


PENGGKOMPOSAN: Prinsip, Teknik dan Amalan

Penyunting
Abu Zahrim Yaser
Mohd Armi Abu Samah



PENGGKOMPOSAN: **Prinsip, Teknik** **dan Amalan**

Penyunting

Abu Zahrim Yaser
Mohd Armi Abu Samah

PENERBIT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Kota Kinabalu • Sabah • Malaysia

<http://www.ums.edu.my>

2022

Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

Description

Editors: Abu Zahrin Yaser dan Mohd Armi Abu Samah

Year published: 2022

ISBN: 978-967-2738-51-0

Pengkomposan merupakan satu kaedah efektif dalam menguruskan sisa buangan organik yang dilihat dapat menjamin kelestarian dan berupaya mewujudkan model ekonomi kitaran. Selain membincangkan prinsip-prinsip asas dalam proses pengkomposan; teknik dan amalan pengkomposan di Malaysia turut diketengahkan. Buku ini menghimpunkan pakar pengkomposan dari pelbagai universiti, sekolah dan industri. Teknik dan inovasi pengkomposan terkini yang dipaparkan dalam buku ini diharapkan boleh menjadi panduan berguna kepada individu dan komuniti yang berminat dalam mengoperasikan proses pengkomposan sama ada dalam skala kecil atau besar.

Kandungan

	Muka Surat
Senarai Rajah	viii
Senarai Jadual	xiii
Kata Pengantar	xv
Prakata	xvi
BAB 1 Pengenalan <i>Abu Zahrim Yaser</i>	1
BAB 2 Penjanaan Sisa Organik di Malaysia <i>Shahrul Ismail, Mustafa Man, Syafi'ah Nadhiah Mohd Said, Mohd Azhar Zain, Isma Fatin Nabilah Ismail, Mohd Taufik Muhammad & Noor Azrimi Umor</i>	6
BAB 3 Prinsip Asas Pengkomposan <i>Junidah Lamaming & Abu Zahrim Yaser</i>	19
BAB 4 Kaedah Sistem Pengkomposan Sisa Makanan Secara Bersepadu <i>Mohd Armi Abu Samah & Afiza Abdullah Suhaimi</i>	35
BAB 5 Sistem Pengkomposan Sisa Makanan di Rumah Menggunakan Mikroorganisma Efektif dan Teknologi Mekanikal <i>Tuan Noor Hasanah Tuan Ismail, Halimatus Sa'adiyah Mohamed Raimi & Muhammad Ammar Abdul Talib</i>	52
BAB 6 Peranan Mikrob dalam Pengkomposan Sisa Makanan <i>Sharifah Norkhadijah Syed Ismail & Siti Aminah Ab Muttalib</i>	69

Bab 3

Prinsip Asas Pengkomposan

Junidah Lamaming
Abu Zahrim Yaser

3.1 PENGENALAN

Pengkomposan merupakan kaedah semula jadi yang efektif bagi mengurus dan mengawal sisa buangan terutamanya makanan dan hasil pertanian di Malaysia. Kaedah ini boleh dipraktikkan dengan berkesan di bandar mahupun luar bandar oleh isi rumah secara individu ataupun setempat oleh suatu komuniti. Di Sabah misalnya, kaedah pengkomposan telah diperkenalkan ke daerah-daerah melalui kempen kebersihan dengan kerjasama daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kempen ini dilihat mampu memberi input kesedaran dan ilmu berkaitan pengkomposan yang mampan, yang boleh dipraktikkan oleh penduduk yang mana melalui pengkomposan dapat menghasilkan baja yang berkualiti. Melalui kempen ini, projek usahasama untuk membangunkan pengkompos untuk kegunaan penduduk telah dibangunkan di beberapa buah daerah di Sabah misalnya Tongod, Nabawan dan Kundasang.

Pengkomposan kebiasaannya boleh dilakukan dengan menggunakan mikroorganisma-mikroorganisma tertentu, cacing, mahupun larva *black soldier fly* (BSF) untuk tujuan proses penguraian biologi bahan organik kepada bahan yang tinggi nutrien (baja). Untuk menghasilkan baja yang stabil dan matang serta mampu memberi kualiti terhadap tumbesaran tumbuhan, faktor-faktor penting yang mempengaruhi serta kaedah pengkomposan dalam penguraian substrat (sisa) perlu dititikberatkan.